



RASID (tengah) menyampaikan Anugerah Naib Canselor kepada Mathias (kanan) sambil disaksikan Sazmal.

## Ilmu penting untuk pembangunan diri, negara: Kamarudin

DE 4.10.18 3

KOTA KINABALU: Ilmu dan budaya ilmu sangat penting dalam proses pembangunan diri, organisasi, negara dan tamadun kata Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Justeru katanya, pendidikan dan penghayatan ilmu perlu sentiasa dimantapkan sepanjang hayat.

"Di Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), para pelajar berkesempatan untuk menimba ilmu dan bersama-sama menghayati resam komuniti ilmuwan yang pastinya merangsang kreativiti, menjana inovasi.

"Oleh itu, apa juar bidang yang bakal diceburi kelak para pelajar hendaklah menunjukkan nilai-nilai kecemerlangan dari segi personaliti dan kemampuan berinteraksi dengan masyarakat," katanya.

Kamarudin berkata demikian dalam teks ucapan perasmian Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains Kali ke-8 yang dibacakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Mail di sini, baru-baru ini.

Menurut Kamarudin, adalah menjadi harapan beliau agar ilmu dan pengalaman yang digarap semasa para pelajar berada di PPST dapat dimanfaatkan dalam kehidupan sehari-hari.

"Kejayaan yang diperolehi bukan sa-

haja untuk merebut peluang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda, tetapi juga dapat dimanfaatkan kepada masyarakat sekeliling untuk kelestarian kehidupan," katanya.

Sementara itu, Pengarah PPST, Prof. Madya Dr. Sazmal Effendi Arshad berkata, sains, teknologi dan inovasi perlu relevan dengan keperluan dan aspirasi setiap negara seiring dengan cabaran Evolusi Perindustrian 4.0.

"Oleh itu, sains perlu diburu dengan menetapkan matlamat, memandangkan ia adalah alat paling penting untuk memacu ekonomi setiap negara termasuk Malaysia," katanya.

Pada majlis itu, Rasid turut menyampaikan empat anugerah khas kepada pelajar PPST.

Mathias Tseu Wen Leh dinobatkan sebagai penerima Anugerah Naib Canselor, manakala Anugerah Pengarah menjadi milik Nur Fadzilah Mohd Razalie.

Anugerah Pelajar Harapan serta Anugerah Pelajar Berdedikasi dan Berkepimpinan pula masing-masing diraih oleh Brigitte Sinundu Sundry dan Aslia Jamaluddin.

Majlis yang berlangsung di Dewan Re-sital UMS itu menyaksikan seramai 254 pelajar PPST UMS menerima Sijil Asasi Sains.